

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [TANJONG MANIS]**

SOALAN : **159**

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan berapakah "*penetration rate*" untuk Internet di Sarawak pada masa kini dan adakah peratusan ini menepati sasaran yang ditetapkan oleh pihak Kementerian.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat akhir tahun 2015, kadar penembusan jalur lebar isi rumah di negeri Sarawak adalah sebanyak 56.6%, ini tidak termasuk akses kepada Internet melalui program Wi-Fi Komuniti (WK) dan Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) di mana masing-masing menyumbang sebanyak 11.3% dan 5.0% kadar penembusan.

Pelaksanaan inisiatif program WK dan PI1M oleh Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) adalah bertujuan untuk menyediakan akses kepada jalur lebar secara kolektif di kawasan yang kurang atau tiada liputan. Buat masa ini, sasaran kadar penembusan jalur lebar isi rumah di peringkat nasional ialah 75% dan pihak Kementerian masih lagi giat melaksanakan pelbagai inisiatif yang baharu bagi memastikan faedah telekomunikasi turut dapat dirasai oleh semua lapisan masyarakat di negara ini.